

## **K TERENGGANU**

### **Teroka produk akuatik**

*84 2/104108 pg. 12*  
**U**niversiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Eksploitasi Laut Perancis (IFREMER) akan mengembangkan lagi kepakaran dan bertukar pengetahuan dalam meningkatkan lagi penyelidikan dan penerokaan produk berkaitan akuatik.

Bercakap selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UMT dan IFREMER di sini semalam, Naib Canselor UMT, Prof Dr Sulaiman Md Yassin, berkata kerjasama yang dilaksanakan itu akan memberikan pelbagai manfaat terutama dalam perkongsian kepakaran dalam bidang berkaitan.